



**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)**

**LAPORAN HARIAN
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
08 OGOS 2017**

Adalah dimaklumkan bahawa pada 9 Ogos 2017(Rabu), JPVS akan mengadakan Program Penvaksinan Anjing iaitu di 11 buah kampung di Daerah Lundu seperti berikut:-

- Kampung Biawak
- Kampung Jantan
- Kampung Jangkar
- Kampung Pasir Tengah
- Kampung Opek
- Kampung Tanjam
- Kampung Rukam
- Kampung Pasir Hilir
- Kampung Kendaie
- Kampung Sedaing
- Kampung Pasir Ulu

Pada hari ini, setakat jam 3 petang sebanyak **82 ekor anjing** telah divaksin di 5 buah kampung di Bahagian Serian. Jumlah haiwan kesayangan yang telah divaksin hingga hari adalah sebanyak **28,583 ekor** yang terdiri daripada **20,941 ekor anjing, 7,597 ekor kucing** dan **45 ekor haiwan lain**.

Kempen kesedaran mengenai wabak penyakit Rabies yang telah diadakan di kampung-kampung dan sekolah masih kekal sebanyak 160 setakat ini yang dihadiri oleh 31,615 orang peserta.

JPVS juga ingin mengingatkan semua pihak untuk mengelak haiwan kesayangan samada yang telah atau belum divaksin dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap dari jinak ke ganas, menggigit sebarang benda yang bergerak, takut air dan cahaya, menyendiri, air liur berlebihan, gelisah dan agresif. Sila hubungi Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak di talian 082-443 991 / 446 991 / 447960 untuk sebarang laporan mengenai Wabak Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **103 kes gigitan baru** dilaporkan pada hari ini. Daripada jumlah tersebut, **84 kes melibatkan haiwan peliharaan** iaitu **anjing 55 kes dan kucing 29 kes**. Manakala **19 kes melibatkan haiwan liar** iaitu **anjing 15 kes dan kucing 4 kes**. Kes gigitan tersebut dilaporkan daripada **Bahagian Serian sebanyak 41 kes gigitan, Bahagian Sri Aman 11 kes gigitan, Bahagian Kuching 25 kes gigitan dan Bahagian Samarahan 26 kes gigitan**. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan anjing yang berlaku mulai 01 April 2017 hingga ke hari ini, adalah berjumlah 1,754 kes. Secara kumulatifnya, seramai 850 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Untuk makluman semua, maklumat dan aktiviti operasi pemvaksinan wabak Rabies juga boleh didapati di dalam portal Jawatankuasa pengurusan Bencana Negeri Sarawak seperti berikiut:

www.infodisaster.sarawak.gov.my

Disediakan oleh:

Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Sarawak

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

08 Ogos 2017